

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Kewujudan peribahasa dalam masyarakat Melayu diibaratkan sebagai wadah komunikasi budaya untuk menggambarkan sesuatu keadaan dengan nada yang lembut, terkawal dan berkesan terutamanya apabila menggambarkan tentang hati, jiwa dan perasaan. Peribahasa Melayu ini ada **(1) ungkap** kata-kata yang bermakna. Maka itu, masyarakat Melayu menjadikan peribahasa sebagai **(2) pandu** dalam melalui arus kehidupan yang penuh dengan pancaroba. Peribahasa Melayu berjaya memaparkan kata-kata yang indah dan bererti untuk membangunkan **(3) fikir** yang positif. Terdapat peribahasa yang menyuntik semangat, inspirasi, motivasi dan dorongan yang merupakan elemen penting dalam melaksanakan segala tuntutan dan **(4) mahu** diri. Dengan menjadikan peribahasa sebagai satu prinsip pegangan dalam kehidupan, ia merupakan wadah yang baik untuk membina keyakinan diri dan **(5) oleh** kejayaan. Pastinya, Peribahasa Melayu dapat membimbing golongan remaja, dewasa dan warga tua agar dapat membentuk jati diri yang lebih positif dan minda yang lebih aktif.

Soalan A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) takut titik lalu tumpah
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) sebab buah dikenal pohonnya
- (D) bagaimana acuan begitulah kuihnya
- (E) bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- (F) kilat dalam kabus, kabus di dalam hujan
- (G) belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam
- (H) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- (I) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya
- (J) jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya

Kejayaan Syarikat Mutiara bukan diraih dalam sekelip masa sahaja. Pemilik syarikat, Tuan Abdullah bersama dua orang anak lelakinya, Ilham dan Ilyas, serta pekerja-pekerjanya bertungkus-lumus membina syarikat itu. Kejayaan mereka itu tidak akan tercapai tanpa usaha gigih setiap daripada mereka ibarat **(6)**_____. Syarikat Mutiara mengendalikan mutiara-mutiara tulen yang berkualiti tinggi. Kedai-kedai emas, butik-butik pakaian dan butik-butik aksesori yang ternama banyak berurus niaga dengan Syarikat Mutiara yang mengutamakan kejujuran dan menepati segala janji bak **(7)**_____. Tuan Abdullah sentiasa bermuafakat dengan Ilyas dan Ilham agar segala kesusahan dan kesenangan dapat mereka rasai bersama umpama **(8)**_____. Para peniaga juga senang berurusan dengan anak-anak Tuan Abdullah kerana dikatakan mereka menurut budi dan tingkah laku Tuan Abdullah. Ilyas dan Ilham diibaratkan **(9)**_____. Berkat kerajinan dan ketekunan keluarga Tuan Abdullah dan pekerja-pekerja Syarikat Mutiara, maka murahlah rezeki mereka bak **(10)** _____. Ini kerana keuntungan yang diraih berlipat ganda dan semakin banyak syarikat berurus niaga dengan mereka.

Soalan A3 (10 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

akan	bentuk	ditempah
keadaan	mencecah	mengecapi
mesti	proses	

Adat Lenggang Perut ialah upacara adat yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Adat ini diadakan untuk wanita yang kehamilannya telah pun **(11)** _____ tujuh bulan. Tujuannya adalah untuk mengesan kedudukan bayi dan pada masa yang sama memperbetulkan kedudukan bayi jika bayi di dalam **(12)** _____ songsang. Tarikh dan masa upacara adat Lenggang Perut biasanya akan ditentukan oleh Mak Bidan yang telah **(13)** _____ oleh suami wanita hamil tersebut. Mak Bidan ini yang akan membidani dan menjaga wanita yang hendak bersalin itu. Dalam upacara adat ini, keluarga wanita hamil **(14)** _____ menyediakan tujuh helai kain batik lepas. Kemudiannya, wanita itu dibaringkan di atas tujuh helai kain batik lepas. **(15)** _____ upacara adat ini dimulakan dengan punggung wanita hamil ini diangkatkan sedikit untuk membolehkan kedua-dua orang pembantu Mak Bidan melenggang-lenggangkan perut wanita hamil itu. Mereka akan menghayun perut wanita hamil ke kiri dan ke kanan dengan menggoyang-goyangkan hujung kain batik lepas tersebut. Kemudiannya, satu persatu kain batik lepas itu ditarik dari bawah punggung wanita hamil itu. Setelah selesainya upacara adat Lenggang Perut, para tetamu lelaki yang diundang akan membaca doa selamat dan tolak balak. Mereka akan dijamu Rojak Tingkep yang dibuat oleh wanita hamil itu.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Pesta Warisan 'Singapura HeritageFest' : Pameran Balik Pulau

 <p>Pihak Lembaga Warisan Singapura (NHB) telah menganjurkan sebuah pameran bertemakan 'Balik Pulau: Kisah-kisah dari Kepulauan Singapura' di Muzium Negara Singapura. Pameran ini memaparkan sejarah beberapa buah pulau di Singapura serta merakamkan pengalaman bekas penduduk-penduduk dari pulau-pulau ini. Pameran ini akan berlangsung sehingga 10 Ogos.</p> <p>Tahukah anda bahawa Singapura mempunyai lebih daripada 70 buah pulau di perairannya? Namun penduduk-penduduk pada waktu itu terpaksa berpindah ke tanah besar iaitu Singapura, untuk memberi laluan pada pembangunan dan perindustrian.</p> <p>Pulau Ubin sebenarnya ialah sebuah perkampungan pantai, ladang getah dan kuari granit. Penduduk pulau itu ialah seramai 4 000 orang. Pulau Ubin juga dikenali sebagai Pulau Batu Jubin dan <i>Chioh Sua</i> (bahasa Hokkien) yang bermakna batu. Ini kerana batu-batu granit ini digunakan untuk membina rumah api dan Tambak Johor-Singapura. Pulau ini menempatkan habitat marin yang terdiri daripada bakau, rumpai laut dan beberapa terumbu.</p> 	<p>Pulau Bukom atau dikenali juga sebagai Pulau Air Tawar ialah sebuah perkampungan Melayu serta tempat kapal-kapal berlabuh. Pada tahun 1891, Syarikat M. Samuel, yang kemudiannya menjadi Syarikat Shell, mengambil alih Pulau Bukom Besar untuk menyimpan minyak dan minyak tanah.</p>  <p>Pulau St. John's atau Pulau Sekijang Bendera ialah tempat pendaratan Sir Stamford Raffles pada malam 28 Januari 1819. Pulau ini diketahui dan dikenali sejak 1604 apabila seorang penjelajah dari Portugis menandakannya sebagai <i>Siquijam</i> di petanya. Pulau ini kemudiannya dikenali sebagai Pulau Sekijang Bendera selepas dinaikkan tiang bendera di situ. Pada tahun 1874, pulau ini dijadikan sebuah tempat kuarantin untuk pendatang dan jemaah yang pulang dari Mekah sehinggalah pada tahun 1960-an. Kemudiannya, pulau ini diubah menjadi pusat tahanan dan pemulihan dadah untuk beberapa tahun lamanya. Pada tahun 1976, Pulau St. John's berubah sekali lagi menjadi tempat peranginan dan perkhemahan sehinggalah kini.</p> 
--	---

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

16 Matlamat Pihak Lembaga Warisan Singapura (NHB) menganjurkan Pameran Balik Pulau adalah untuk _____ .

- (A) mengisahkan sejarah pulau-pulau di Singapura
- (B) meniti memori penduduk-penduduk di tanah besar
- (C) menunjukkan Singapura dikelilingi oleh 70 buah pulau
- (D) menceritakan sejarah di sebalik nama pulau-pulau Singapura

17 Pernyataan-pernyataan tentang Pulau St. John's yang berikut adalah betul **kecuali** _____.

- (A) pulau ini dikenali dengan dua nama
- (B) dijadikan tempat kuarantin bagi mereka yang kembali dari Mekah
- (C) pulau ini terkenal dengan mendaratnya Sir Stamford Raffles dari Portugis
- (D) ditempatkan penagih-penagih dadah untuk menjalani proses pemulihan dadah

18 Perkataan 'pemulihan' dalam petikan ini bermaksud _____ .

- (A) pembaikan
- (B) pemuliharaan
- (C) pembaharuan
- (D) penyembuhan

Petikan 2

Muzium Trick Eye

Muzium Trick Eye merupakan tarikan terbaharu bagi mereka yang akan berkunjung ke *Resort World Sentosa* (RWS). Galeri seni tiga dimensi ini yang asalnya dari Korea Selatan merupakan cawangan yang pertama di luar negara. Muzium Trick Eye telah dibuka pada tahun 2010 di Hongdae, Korea Selatan yang memaparkan hasil seni ilusi dalam bentuk tiga dimensi.

Galeri di RWS menampilkan 80 buah lukisan dan lebih 50 buah lukisan yang telah dicipta khusus untuk galeri Singapura. Antara lukisan tersebut ialah Bot Merlion, Aquarium Terbalik dan Lumba Kuda. Para pengunjung yang ke galeri ini akan melalui zon-zon bertema yang dinamakan 'World of Masterpieces', 'Safari Kingdom', 'Stars of Circus', 'Dreams of Fairy-tale', 'Love in Winter' dan 'Adventure Discovery'.



Lukisan-lukisan seni yang popular di Korea Selatan seperti 'Angel's Wings', 'Moon over the



Sky' dan 'Human Cannonball' juga akan dipaparkan di galeri ini. Bagi menambahkan tarikan Muzium Trick Eye, suasana Korea diwujudkan seperti lebih banyak restoran dan kedai runcit yang bertemakan Korea. Pada akhir tahun ini, akan siap sebuah konsep pasar seperti di Korea yang dinamakan Bandar Korea Inasadong sebagai tarikan tambahan di resort ini. Di pasar ini, ditawarkan

pelbagai makanan asli Korea, makanan jalanan, perhiasan, kosmetik dan aksesori buatan tangan Korea.



Tiket bayaran masuk ke Muzium Trick Eye bagi orang dewasa ialah \$25 dan \$20 untuk kanak-kanak mahupun warga emas. Orang ramai juga boleh membeli tiket di talian www.trickery.com/singapore atau www.rwsentosa.com. Melalui talian ini, para pengunjung boleh melihat pelbagai tawaran tempat-tempat tarikan yang disediakan di RWS.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan

memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 19 Keunikan yang ada pada Muzium Trick Eye ialah _____.
- (A) tarikan yang terkini di *Resort World Sentosa*
 - (B) pameran seni yang berasal dari Korea Selatan
 - (C) cawangan galeri seni yang pertama di luar negara
 - (D) lukisan-lukisan seni tiga dimensi yang mengilusikan mata
- 20 Suasana Korea boleh dirasai oleh pengunjung ke Muzium Trick Eye kerana adanya _____.
- (A) restoran dan kedai runcit di Bandar Korea Inasadong
 - (B) pameran lukisan-lukisan seni yang terkenal dari Korea Selatan
 - (C) persamaan galeri seni di *Resort World Sentosa* dengan di Hongdae
 - (D) penjualan pelbagai barangan, perhiasan dan makanan yang berkonsepkan Korea

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

“Hari ini ibu akan pulang dari hospital setelah lebih seminggu di situ. Ibu asyik menyebut lauk asam pedas ikan duri berulang kali. Kunyit, serai, halia, asam, belacan, bawang, bendi dan satu ekor ikan duri. Semuanya ada di atas meja ini. Ibu pasti suka,” Suhana berkata kepada dirinya pagi itu.

Syuhada, adik Suhana, akan membawa ibu mereka pulang. Mudah-mudahan, lauk asam pedas ikan duri yang akan dimasak dan dihidangkan kepada ibunya akan menjadi pengubat rindu buat ibu. Diharapkan lauk ini akan melembutkan hati ibunya juga. 5

Awal pagi tadi, Suhana sudah ke pasar basah Jurong mencari ikan duri yang paling segar. Akhirnya, dia menemui juga dengan ikan duri yang isinya **pejal**, matanya segar dan putih. Walaupun harga ikan tersebut mahal namun untuk ibunya, Hana membayarnya walaupun baki duitnya tinggal hanya dua keping not \$10.00 cukup untuk dia berulang-alik dari kampus univerviti ke rumahnya seminggu ini. Ikan duri itu mula disiangnya setelah diredamkannya di dalam air asam agar hilang bau hanyirnya. Ketika dia menyangi ikan duri, **fikirannya melayang jauh** dek teringat kata-kata ibunya setahun yang lalu. 10

“Jika bukan kerana arwah ayah tergesa-gesa hendak ambil kau dari sekolah, tentu ayah kau masih hidup sehingga hari ini. Kaulah punca kematian ayah kau, Hana!” mengalir air mata Suhana setiap kali kata-kata itu terngiang-ngiang di telinganya. 15

Sepanjang Suhana dan Syuhada melawat ibu mereka di hospital, ibu hanya melayan Syuhada. Diri Suhana seolah-olah tiada di wad hospital itu. Semenjak ayah meninggal dunia, ibu tidak ambil peduli tentang dirinya kecuali jika ibu hendak memberitahunya perkara yang mustahak. Selain itu, dirinya dianggap sebagai anak patung beryawa di mata ibunya itu.

“Aduh, sakitnya!!” jerit Suhana. 20

Jari telunjuk dan ibu jarinya **tertusuk** sengat ikan duri. Tidak tersangka dia yang sengat ikan duri amat berbisa. Dengan pantas, dia membubuh minyak gamat di lukanya itu. Sebenarnya, Suhana tidak terdaya hendak meneruskan masakannya kerana menahan bisa namun untuk menagih semula kasih sayang ibunya, dia cuba juga. Dia teringat ibu tidak suka bahan-bahan tumisan dikisar, maka dia terpaksa menggilingnya sehingga lumat. Air matanya **menitis laju** menahan bisa yang tidak terhingga itu. Selesai sahaja, Suhana perlahan-lahan menyiapkan hidangan kegemaran ibunya. 25

“Kak Hana, Kak Hana, kita sudah sampai ni,” Syuhada memberi salam terlebih dahulu sebelum memanggil-manggil nama Kak Hana.

“Tidurlah si Hana tu! Paling tidak dia merayap entah ke mana,” rungut ibu.

Tanpa berlengah, Syuhada terus membuka pintu pagar. Alangkah terperanjatnya Suhana apabila dia terlihat sekujur tubuh terbaring di muka pintu dapur. Jari telunjuk dan ibu jari Suhana berbalut. Muka dan bibirnya pucat. 30

“Hana, Hana bangun nak. Ibu sudah pulang Hana ... bangun!” kedengaran **raungan** seorang ibu tatkala melihat keadaan anak perempuannya bagai nyawa-nyawa ikan itu.

“Ibu, Kak Hana telah memasakkan ibu lauk asam pedas ikan duri, ibu,” kata Syuhada dengan nada yang sayu. 35

Tatkala mendengar ungkapan kata-kata itu daripada Syuhada, raungan ibu semakin kuat kerana sangkaannya terhadap Suhana itu salah.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘Asam Pedas Ikan Duri’)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah Suhana beranggapan bahawa ibunya pasti suka akan hidangan yang akan dimasaknya itu? (3 markah)
- 22** Peristiwa apakah yang bermain di fikiran Suhana sehingga sengat ikan duri menusuk jari telunjuk dan ibu jarinya? (3 markah)
- 23** ‘... dirinya dianggap sebagai anak patung bernyawa dalam keluarga itu.’ (baris 19). Nyatakan maksud pernyataan ini. (3 markah)
- 24** Ibu Suhana masih menuduh Suhana sebagai punca kematian suaminya. Jelaskan tindakan yang dilakukan olehnya terhadap Suhana. (5 markah)
- 25** Perasaan cinta seorang anak kepada ibunya amat menyerlah dalam diri Suhana. Jelaskan. (5 markah)
- 26** Nyatakan perasaan yang timbul dalam diri ibu Suhana pada akhir cerita ini. Beri bukti bagi menyokong jawapan kamu itu. (3 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** pejal (baris 8) (2 markah)
- 28** tertusuk (baris 21) (2 markah)
- 29** menitis laju (baris 25) (2 markah)
- 30** raungan (baris 33) (2 markah)

Selesai

SKEMA JAWAPAN GCE 'O' MENDAKI 2014

No.	KOMPONEN	MARKAH
		10 markah
1.	mengungkapkan	2 m
2.	panduan	2 m
3.	pemikiran	2 m
4.	kemahuan	2 m
5.	beroleh	2 m
	A2: PERIBAHASA (Soalan 6 - 10)	10 markah
6.	(I) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya	2 m
7.	(J) jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya	2 m
8.	(E) bukit sama didaki, lurah sama dituruni	2 m
9.	(D) bagaimana acuan begitulah kuihnya	2 m
10.	(B) ringan tulang berat perut	2 m
	A4: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 - 15)	10 markah
11.	mencecah	2 m
12.	keadaan	2 m
13.	ditempah	2 m
14.	akan	2 m
15.	Proses	2 m
	BAHAGIAN B: PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 - 20)	10 markah
16.	A	2 m
17.	C	2 m
18.	A	2 m
19.	D	2 m
20.	D	2 m
	BAHAGIAN C: PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 - 28)	30 Markah
21.	<p>Mengapakah Suhana beranggapan bahawa ibunya pasti suka akan hidangan yang akan dimasaknya itu?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ini kerana ibu Suhana asyik berulang kali menyebut lauk asam pedas ikan duri setelah lebih seminggu berada di 	3 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	hospital.	
22.	<p>Peristiwa apakah yang bermain di fikiran Suhana sehingga sengat ikan duri menusuk jari telunjuk dan ibu jarinya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kata-kata ibunya yang mengatakan Suhana punca menyebabkan arwah ayah Suhana meninggal dunia kerana tergesa-gesa hendak mengambil Suhana dari sekolah. 	3 m
23.	<p>‘... dirinya dianggap sebagai anak patung bernyawa di mata ibunya itu.’ (baris 19). Nyatakan maksud pernyataan ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernyataan ini bermaksud kehadiran Suhana dalam keluarga itu tidak diambil peduli oleh ibunya kerana Suhana tidak diajak berbual atau tiada kepentingan Suhana dalam diri ibunya itu. 	3 m
24.	<p>Ibu Suhana masih menuduh Suhana sebagai punca kematian suaminya. Jelaskan tindakan yang dilakukan olehnya terhadap Suhana.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tindakan yang pertama ialah ibu Suhana sentiasa mempunyai tanggapan serong terhadap Suhana. Ini kerana apabila Suhana tidak menyahut panggilan Syuhada untuk membuka pintu rumah, ibu Suhana berungut kerana menyangkakan yang Suhana masih tidur atau keluar berjalan-jalan. • Tindakan yang kedua ialah ibu Suhana tidak mempedulikan kehadirannya. Ini kerana ibu Suhana hanya melayan Syuhada ketika anak-anaknya melawatnya di hospital. • Tindakan yang ketiga ialah ibu Suhana tidak ambil peduli akan dirinya. Ini kerana ibu Suhana hanya berbual dengan Suhana jika ada perkara penting yang hendak disampaikan kepada Suhana. <p>(Pilih 2/3 jawapan yang disediakan)</p>	5 m
25.	<p>Perasaan cinta seorang anak kepada ibunya amat menyerlah dalam diri Suhana. Jelaskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan yang pertama ialah Suhana sanggup berkorban diri untuk ibunya. Ini kerana walaupun Suhana tidak terdaya hendak meneruskan masakannya kerana menahan bisa namun untuk menagih semula kasih sayang ibunya, dia cuba juga. • Penjelasan yang kedua ialah Suhana berusaha melakukan sesuatu bagi menggembirakan hati ibunya. Ini kerana walaupun Suhana dalam keadaan kesakitan, dia sanggup menggiling bahan-bahan tumisan kerana ibunya tidak suka bahan-bahan yang dikisar bagi memasak lauk-pauk. • Penjelasan yang ketiga ialah Suhana mementingkan ibunya daripada dirinya. Ini kerana Suhana sanggup membayar satu 	5 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	<p>ekor ikan duri yang mahal harganya walaupun baki wang \$20.00 itu hanya cukup untuk digunakan sebagai tambang bas bagi seminggu itu untuknya ulang-alik dari kampus universiti ke rumahnya.</p> <p>(Pilih 2/3 jawapan yang disediakan)</p>	
26.	<p>Nyatakan perasaan yang timbul dalam diri ibu Suhana pada akhir cerita ini. Beri bukti bagi menyokong jawapan kamu itu.</p> <p>Ibu Suhana insaf / sedih setelah melihat keadaan Suhana.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buktinya ialah situasi Suhana bagai nyawa-nyawa ikan itu ketika mereka terjumpanya terbaring di muka pintu dapur. • Buktinya ialah Suhana telah memasakkannya lauk asam pedas ikan duri iaitu lauk kegemarannya setelah pulangny dari hospotal walaupun tidak disuruh olehnya. <p>(Pilih 1/2 jawapan yang disediakan)</p>	3 m
27.	pejal : keras dan padat	2 m
28.	tertusuk : tercucuk	2 m
29.	menitis laju : menitik pantas / deras	2 m
30.	raungan : rintihan / ratapan / tangisan / lolongan	2 m
	Markah Penuh	70 Markah